



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

24 November 2020

**KENYATAAN MEDIA PEMBENTANGAN LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG AKTIVITI KAWALAN TERHADAP PEKERJA ASING
DI BAWAH**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) / KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
(KSM)**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) / Kementerian Sumber Manusia (KSM) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.
- 3) PAC Parlimen memulakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini pada 10 Oktober 2019 dengan memanggil pihak yang terlibat dengan aktiviti kawalan terhadap pekerja asing iaitu:

Kementerian Dalam Negeri:

- i) YBhg. Dato' Seri Alwi bin Haji Ibrahim (Ketua Setiausaha)

Kementerian Sumber Manusia:

- ii) YBhg. Dato' Amir bin Omar (Ketua Setiausaha)

Jabatan Imigresen Malaysia:

- iii) YBhg. Dato' Indera Khairul Dzai mee bin Daud (Ketua Pengarah)
- 4) Selain mengadakan prosiding, PAC Parlimen turut melakukan satu lawatan kerja ke Depot Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan pada 19 Februari 2020. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk melihat dengan lebih dekat dan jelas mengenai Pengurusan Depot Tahanan JIM.
- 5) Berdasarkan prosiding dan lawatan kerja berkenaan, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
- i) PAC Parlimen mendapati integrasi yang tidak menyeluruh antara sistem ePPAx dan MyIMMs telah menyebabkan data dan dokumen permohonan kuota pekerja asing tidak dapat dikongsi sepenuhnya.
 - ii) PAC Parlimen mendapati kelulusan melalui permohonan khas adalah lebih tinggi berbanding dengan kelulusan melalui permohonan biasa dan ini merupakan amalan yang tidak sihat. Amalan ini juga tidak menepati tujuan asal proses permohonan kuota pekerja asing, iaitu bagi menyediakan saringan kelayakan yang ketat.
 - iii) PAC Parlimen mendapati wujudnya peranan ‘pengantara’ yang jelas membelakangi sistem sedia ada.
 - iv) PAC Parlimen mendapati sebahagian kelulusan khas juga telah melibatkan kelulusan terhadap kuota pekerja asing dalam subsektor beku, yang menjaskan peluang kepada pekerja tempatan.

- v) PAC Parlimen mendapati ID Pengguna telah didakwa dicuri dan disalahgunakan untuk mewujudkan kuota palsu dalam sistem MyIMMs. Insiden di mana sistem begitu mudah boleh dicerobohi menunjukkan kelemahan ketara dalam sistem keselamatan sebuah kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara. Sebanyak 20 laporan polis telah dibuat sejak tahun 2017 tetapi sehingga kini masih menunggu hasil siasatan.
 - vi) PAC Parlimen mendapati wujudnya kelemahan sistem yang menyebabkan PLKS dikeluarkan kepada pekerja yang gagal pemeriksaan FOMEMA. Selain itu, tiada rekod disimpan mengenai penghantaran pulang sebahagian pekerja asing yang gagal pemeriksaan FOMEMA. Perkara ini akan mengakibatkan terdapatnya risiko penularan penyakit berjangkit kepada penduduk tempatan.
 - vii) PAC Parlimen mendapati keperluan untuk mengutamakan kebaikan tahanan, penghuni serta warga kakitangan imigresen yang bertugas di semua depot serta penaiktarafan depot di seluruh negara.
- 6) Sehubungan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) KDN dan KSM harus mewujudkan sistem bersepadu dalam pengurusan dan kawalan pengambilan pekerja asing supaya adanya kelangsungan data dari satu medan ke medan operasi yang lain merentasi kementerian dan jabatan.
 - ii) KDN dan KSM hendaklah menentukan semua permohonan untuk kuota pekerja asing dibuat melalui permohonan biasa (iaitu menerusi sistem ePPAx dan MyIMMs), di mana keputusan permohonan diberikan dalam

tempoh masa tertentu yang munasabah. Kelulusan khas hanya harus terpakai dalam kes-kes rayuan bermerit atau projek khas negara sebagaimana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri. Secara khususnya KDN tidak boleh mentafsir permohonan yang dihantar kepada MDN tanpa melalui sistem sebagai satu rayuan.

- iii) Lanjutan daripada syor 8.2, PAC berpendapat tidak seharusnya wujud mana-mana ‘pengantara’ dalam permohonan kuota pekerja asing kepada MDN. PAC mengesyorkan satu siasatan SPRM terhadap peranan ‘pengantara’ yang terlibat.
- iv) Tidak ada apa-apa pengecualian boleh diberikan untuk pengambilan pekerja asing dalam subsektor beku.
- v) PDRM hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap dakwaan kecurian dan penyalahgunaan ID Pengguna dalam sistem MyIMMs.
- vi) Pemeriksaan kesihatan FOMEMA terhadap bakal pekerja asing perlu disegerakan oleh majikan iaitu dalam tempoh 30 hari dari hari ketibaan. Penguatkuasaan yang tegas oleh JIM hendaklah dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi pemeriksaan ini.
- vii) Kerja-kerja menaik taraf depot yang telah diluluskan dalam RMK-11, *Rolling Plan 4* (RP 4) haruslah diteruskan dalam RMK-12. Dana yang mencukupi juga harus diberikan bagi memenuhi keperluan kebajikan, kos perubatan dan usaha menangani penularan penyakit berjangkit sepetimana dimohon oleh JIM.

- viii) KDN melalui JIM perlu meneruskan Projek Rintis *Alternative To Detention* Bagi Kanak-kanak Tanpa Penjaga Dan Kanak-kanak Terpisah Dalam Tahanan Imigresen yang telah dirancang dilaksanakan pada April 2020. KDN juga haruslah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meneruskan penempatan wanita dan kanak-kanak dari depot ke pusat seliaan Majlis Anti Pemerdagangan Orang (MAPO).
 - ix) KDN harus membuat perundingan semula dengan UNHCR bagi penyelesaian pendaftaran tahanan berstatus pelarian di depot imigresen seluruh negara. KDN dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu mewujudkan satu unit khusus bagi memproses sebarang SOP untuk menangani kemasukan dan kebajikan pelarian di negara kita.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) / Kementerian Sumber Manusia (KSM) boleh memuat turun (download) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian Terima Kasih.

Yang Berhormat Wong Kah Woh
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia

24 November 2020